

Headline	Zaman kini lebih tenang		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	10 Jun 2012	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,321
Page No	e7	Readership	1,964,000
Language	Malay	ArticleSize	790 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 29,065
Frequency	Daily	PR Value	RM 87,195



FOTO | Kamarulzaman Ariffin

PERIKSA....Zaman memerhatikan seorang kakitangan MAC bekerja.

>Profil

NAMA: Tan Sri Mohd Zaman Khan Rahim Khan
LAHIR: 18 Jun 1942 di Kampung Serendah, Pasir Mas, Kelantan
JAWATAN TERAKHIR: Ketua Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Polis Diraja Malaysia (PDRM)
BERSARA: 1997
PENDIDIKAN: Victoria Institution, Kuala Lumpur
PENGALAMAN: Berkhidmat bersama PDRM sejak 1962. Pernah menjadi Ketua Pengarah Penjara dan Pengarah Keselamatan Dalam Negeri
ISTERI: Datin Rosmah Ahmad
ANAK: Enam orang (seorang meninggal dunia)
CUCU: 19 orang

>>Oleh **RIADZ RADZI**
riadz@hmetro.com.my

PERTAMA kali berdepan dengannya, penulis dapat merasa sifat tegas dalam dirinya. Malah, dengan wajah dihiasi misai dan jambang, penampilannya tampak lebih bengis. Itulah Tan Sri Mohd Zaman Khan Rahim Khan, 70, bekas Ketua Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Ketua Pengarah Penjara yang sinonim dengan kes jenayah profil tinggi. Antaranya peristiwa enam banduan menahan seorang doktor dan pembantunya di Penjara Pudu pada Oktober 1986; bekas tentera, Prebet Adam Jaafar yang bersenjata raifal M16 mengamuk dan menembak mati seorang lelaki di Jalan Raja Laut, Kuala

Headline	Zaman kini lebih tenang		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	10 Jun 2012	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,321
Page No	e7	Readership	1,964,000
Language	Malay	ArticleSize	790 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 29,065
Frequency	Daily	PR Value	RM 87,195

Lumpur pada Oktober 1987 dan episod pemburuan penjenayah kejam, Bertong Kali atau P Kalimuthu di Kuala Lumpur pada 1993.

Yang pasti, kes terbabit menjadikan nama Zaman Khan lebih 'glamour' berbanding rakan sejawatannya yang pernah memegang jawatan itu.

Namun semua itu sudah berakhir, malah Zaman Khan yang bersara pada 1997 kini beralih arah. Jika dulu sibuk memburu penjenayah, kini beliau memilih aktiviti kemasyarakatan dengan menyertai pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Majlis Aids Malaysia (MAC).

Zaman Khan ketika ditemui berkata, beliau menyertai Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (Pamadam) beberapa tahun selepas bersara sebelum menyertai MAC pada 2004.

Bermula sebagai ahli biasa, Zaman Khan akhirnya dilantik sebagai presiden pada 2010 hingga sekarang.

"Saya ikhlas menyertai mana-mana NGO, bukan semata-mata untuk nama atau jawatan. Ia juga sebagai tanda kesyukuran saya atas segala nikmat diberikan kepada saya dan keluarga selama ini.

"Niat saya hanya ingin membantu masyarakat. Saya nak bayar balik dengan masa, tenaga dan ilmu pengetahuan yang saya peroleh selama ini," katanya yang menyertai polis pada Jun 1962.

Menurut Zaman Khan, menerajui MAC banyak mengajarnya mengikis sikap prejudis dan buruk sangka pada individu yang memiliki sejarah hitam dalam hidup mereka.

"Di kalangan masyarakat, masih ada stigma tidak baik terhadap pembawa HIV dan pesakit Aids. Mereka disisihkan dan dipandang serong. Bagi saya, ini tidak sepatutnya berlaku," katanya.

Beliau berkata, orang dijangkiti HIV tidak berbahaya kerana dengan rawatan baik, mereka juga boleh hidup sihat seperti orang lain.

"Jika dipulau dan diasingkan, kehidupan mereka akan jadi lebih buruk. Masyarakat harus faham, jangkitan bukan mudah berlaku. Jika bencikan HIV, elakkan perkara tidak elok seperti penyalahgunaan dadah dan seks bebas," katanya.

Zaman Khan berkata, manusia tidak terlepas daripada melakukan kesilapan dan masyarakat

tidak harus berprasangka buruk tanpa cuba mengenali mereka.

Ditanya mengenai kehidupannya selepas bersara, Zaman Khan berkata, dia tidak mahu duduk diam di rumah tetapi akan terus bekerja dan ia dibuktikan dengan menyertai beberapa NGO hinggalah sekarang.

Selain MAC dan Pamadam, datuk kepada 19 cucu ini pernah menjadi Presiden Kesatuan Ragbi Malaysia, Pengerusi Jawatankuasa Tatatertib Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dan Sahabat, iaitu persatuan berkaitan HIV/Aids di Kota Bharu, Kelantan.

"Yang pasti, kehidupan lebih tenang selain dapat menghabiskan masa dengan sebahagian daripada 19 cucu saya," katanya.



ZAMAN KHAN...
mahu bantu masyarakat.